



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

GAJAH DALAM MASYARAKAT MELAYU SEHINGGA 1957

NURUL IZZATI BINTI MD. MUSTAFA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

GAJAH DALAM MASYARAKAT MELAYU SEHINGGA 1957

NURUL IZZATI BINTI MD. MUSTAFA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan) (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

_____ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

_____ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dilimpahkan ke hadrat Illahi kerana atas hidayah dan inayahNya atas nikmat-nikmat yang diberikanNya tanpa henti. Tanpa keredhaanNya tidak mungkin tesis ini dapat disempurnakan. Selawat dan salam juga ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para sahabat, tabi'in dan para syuhada. Titipan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana meluluskan geran penyelidikan ‘Laluan Penarikan Sempadan Perak dan Kelantan, Aset Sejarah dan Warisan Silam Malaysia’. Tidak dilupakan juga kepada seluruh ahli kumpulan geran penyelidikan atas segala nasihat, dorongan, bantuan, tunjuk ajar dan keprihatinan semasa kajian dijalankan dan menyempurnakan tesis ini. Bimbingan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh kedua-dua orang penyelia banyak membantu kepada kejayaan tesis ini. Saya amat menghargai kesabaran Prof Madya Dr. Adnan Jusoh yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi, kesudian memurnikan semula setiap kesalahan teknikal dan cepat dalam tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Semangat kesabaran, mudah bicara dan dihubungi, pembacaan yang teliti serta maklumbalas dari Prof. Madya Dr. Khairi amat membantu untuk menyempurnakan tesis ini. Ucapan penghargaan juga buat pensyarah-pensyarah Jabatan Sejarah UPSI, yang secara langsung dan tidak langsung menitipkan idea agar penulisan tesis ini berjalan lancar. Rasa syukur juga atas kesudian dari semua pensyarah-pensyarah di Jabatan Sejarah UM yang tidak putus-putus bertanya khabar penulisan juga memberi pandangan serta saranan sepanjang kajian dijalankan.

Saya juga ingin merakamkan lestari budi, kasih sayang dan ucapan syukur terima kasih tidak terhingga kepada ibunda tersayang Fatimah binti Othman atas segala butir bicara doa, semangat, pengorbanan, dorongan, kesabaran, bertanyakan khabar tesis dan yang paling utama adalah mengizinkan pengajian sarjana ini dimulakan. Juga buat almarhum ayahanda yang telah dulu pergi dan tidak sempat merasa dan menikmati segala pencapaianku. Buat semua ahli keluarga, adik beradik dan saudara mara di atas keprihatinan dan tidak jemu-jemu bertanya perkhabaran tesis. Terima kasih. Buat semua sahabat, rakan, taulan yang ditemukan Tuhan sepanjang pengajian ini berjalan. Kakitangan arkib yang memudahkan setiap kesukaran, kakitangan Perpustakaan Utama UM, Perpustakaan Tunku Bainun UPSI, kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia dan Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Semoga Allah balas setiap budi baik kalian yang dihulurkan ini dengan sebaik-baik balasan. Jutaan terima kasih juga kepada sahabat-sahabat yang kerap menghulur bantuan, kesudian mendengar keluh kelah, menghulur kata semangat bila diri diambah kecewa serta bersama-sama saya berjuang menyudahkan pengajian sarjana selama ini,Kak Nani, Kak Mimi, Kak Wani, Kak Ain, Kak Nik, Kak Izan, Kak Ika, Muhamad Safwan A'seri, Abang Farhan, Kak shira, Abang Iwan, Abang Razali. Rakan-rakan serumah Kak Farah, Faim, Lisa, Shuhada, Azie, Mizah. Terima kasih semua atas segala jasa.

Nurul Izzati Md. Mustafa

14 Ogos 2017





ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan tentang gajah dalam kehidupan masyarakat Melayu di Tanah Melayu, menjangkau tempoh sehingga tahun 1957. Tanah Melayu masih menggunakan khidmat gajah dalam pelbagai kegiatan terutama yang melibatkan urusan rasmi para pemerintah. Hal ini kerana gajah merupakan haiwan yang penting dalam sosiopolitik masyarakat Melayu pada zaman tradisional disebabkan oleh kepelbagaiannya fungsinya. Gajah seringkali dianggap sebagai ‘haiwan elit’ kerana banyak dimiliki oleh golongan bangsawan Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberi penekanan melalui analisis dokumen dan manuskrip. Pengkaji membuat rujukan daripada Arkib Negara Malaysia dan Muzium Arkeologi Lembah Bujang dalam memperolehi sumber-sumber seperti Fail Setiusaha Kerajaan Negeri, Surat-Surat Persendirian (SP), akhbar, naskhah-naskhah Melayu lama, *Colonial Office Record, Annual Reports, and States Enactment*. Kajian turut dijalankan di beberapa perpustakaan awam seperti Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Tuanku Bainun dan Perpustakaan Negara Malaysia. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa peranan gajah tidak hanya terbatas kepada perihal politik dan pengangkutan semata-mata, malah gajah juga digunakan khidmatnya dalam kegiatan ekonomi dan perdagangan. Hasil kajian juga mendapati gajah masih digunakan peranannya sehingga kemasukan kuasa kolonial British di negeri-negeri Melayu. Pihak British turut menjadikan gajah sebagai haiwan yang penting dalam kegiatan pemburuan dan kesukaran. Secara kesimpulannya, kajian ini telah menunjukkan gajah adalah haiwan yang membantu dan berperanan penting dalam masyarakat serta menjadi lambang dan imej kepada kebesaran dan keagungan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Implikasi kajian menujukkan gajah merupakan legasi masyarakat Melayu tradisional yang diangkat kedudukannya oleh generasi masa kini.





ELEPHANT IN MALAY SOCIETY UNTIL 1957

ABSTRACT

This study focused on elephant in a Malay society in Malaya until 1957. The elephants still being used especially in official affair involving the Malay rulers. The multitude roles of elephant made it became a very significant and imperative animal in term of socio-politics development of the Malay society. Elephant were always been perceives as an “elite animal” as it normally owned by the noble Malay. This study used a qualitative method with emphasis on the analysis of documents and manuscript. The researcher did refers to National Archives of Malaysia and Bujang Valley Archaeological Museum in acquiring resources such as States Secretary Files, private letters, newspapers, Malay Manuscript, Annual Reports and States Enactment. The study was conducted in several public libraries such as University of Malaya Library, Tuanku Bainun Library and National Library. The findings proved that the role of elephant is not only limited the political and transportation alone, but also in trading and economic activities. It is also found that the elephants were still used until the entrance of British colonial power in the Malay States where they used the elephants in hunting and sports. In conclusion, this study shown elephant are animal that help and play important role in society as well as being a symbol and image of the greatness and majesty in the community life. The study also implies the elephants are legacy of the traditional Malay society that was appreciated by the present generation.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	9
1.3 Kajian Lepas	11
1.4 Objektif Kajian	27
1.5 Skop Kajian	27
1.6 Metodologi Kajian	29





1.7 Pembahagian Bab	30
1.8 Kesimpulan	36

BAB 2 HAIWAN DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL

2.1 Pengenalan	37
2.2 Haiwan dalam Kehidupan Seharian Masyarakat Melayu	40
2.2.1 Catatan Mengenai Haiwan dalam Naskhah Melayu	43
2.2.2 Kegunaan Haiwan dalam Masyarakat	48
2.2.3 Penggunaan Haiwan dalam Perubatan Tradisional	66
2.3 Undang-Undang dalam Penggunaan Haiwan di Tanah Melayu	68
2.3.1 <i>Undang-Undang Kedah</i>	71
2.4 Keintelektualan Masyarakat Melayu dan Kaitannya dengan Haiwan	75
2.4.1 <i>Mantra Gajah</i>	76
2.5 Kegiatan Mencelung Gajah	85
2.5.1 Cara-cara Mencelung Gajah	87
2.6 Gajah dalam Kehidupan Seharian Masyarakat Melayu	90
2.7 Kesimpulan	95



BAB 3**KEDUDUKAN GAJAH DALAM PERSPEKTIF
MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL**

3.1	Pengenalan	97
3.2	Gajah di Alam Melayu	100
	3.2.1 Dewa Ganesha/Konsep Cakravatin	105
	3.2.2 Alat Pengangkutan dan Bantu Peperangan	109
	3.2.3 Gajah Dalam Sosiobudaya	112
3.3	Pengkelasan Jenis-jenis Gajah	114
	3.3.1 Gajah Asia	117
3.4	Gajah di Negeri-negeri di Tanah Melayu	119
	3.4.1 Kedudukan dan Peranan Gajah di Tanah Melayu	123
	3.4.2 Kegunaan Gajah semasa Perkahwinan	127
	3.4.3 Kepercayaan Masyarakat Melayu terhadap Gajah	133
3.5	Ancaman Pemburuan Gajah	136
	3.5.1 Ancaman terhadap Gajah	139
3.6	Kesimpulan	141

BAB 4**GAJAH DAN KAITANNYA DENGAN EKONOMI
MASYARAKAT MELAYU**

4.1	Pengenalan	143
4.2	Gajah Sebagai Alat Pengangkutan Ekonomi Masyarakat Melayu	145
	4.2.1 Mengangkut Bijih Timah	146
	4.2.2 Gajah Mengangkut Kayu Balak	153



4.3	Perdagangan Gajah	156
4.3.1	Kegiatan Perdagangan Gajah di Tanah Melayu	158
4.3.2	Perdagangan Gajah Sebagai Sumber Pendapatan Masyarakat Melayu	161
4.4	Jual Beli Gajah di Tanah Melayu	167
4.4.1	Penjualan Gading Gajah	169
4.4.2	Cukai dalam Jual Beli Gajah	172
4.5	Kesimpulan	175

BAB 5 ISU DAN MASALAH GAJAH DALAM MASYARAKAT MELAYU

5.1	Pengenalan	177
5.2	<i>Game Warden</i>	180
5.3	Gajah Ketika Zaman British	182
5.3.1	Pemburuan Gajah	185
5.3.2	Sebab-sebab Pemburuan Gajah	191
5.3.3	Kerosakan Tanaman	192
5.4	Permohonan Lesen Memburu Gajah	198
5.4.1	Kegiatan Memburu Gajah	200
5.4.2	Keperluan Memohon Lesen Pemburuan	202
5.4.3	Tindakan Selepas Berlaku Serangan Gajah	204
5.5	Kesimpulan	206





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ix

BAB 6 PENUTUP

6.1	Penutup	208
-----	---------	-----

RUJUKAN	216
----------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Senarai Naskhah dan Peranan Haiwan dalam Naskhah	44
2.2 Bahagian dan Isi Kandungan dalam Naskhah <i>Mantra Gajah</i>	82
3.1 Perbezaan Antara Gajah Afrika dengan Gajah Asia	116
3.2 Sub Spesies Gajah-gajah di Asia	117
3.3 Agihan Gajah Liar di Semenanjung Tanah Melayu	121
4.1 Perbezaan dalam Penjualan dan Harga Gajah	162





SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
2.1 Pasukan Indian Body Guard, Kuala Lumpur yang Menggunakan Kuda dalam Operasi Keselamatan Mereka, Sekitar Tahun 1910	55
2.2 Lakaran menunjukkan Kerbau Ketika Menarik Guni Padi Menggunakan Anor (atau Dikenali juga sebagai Anok) 63	58
2.3 DYMM Sultan Perak ke-34 iaitu Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah memakai tengkolok Ayam Patah Kepak.	66
3.1 Arca Ganesha ini diperbuat dari Batu Granit.	106
3.2 Perkahwinan Anak-anak Sultan Kedah	128
4.1 Gajah Berada di Pekan Lama Taiping (Kelian Pauh)	152
4.2 Gajah dan Kerbau sedang Menjalankan Kerja di Hutan Menarik Kayu Balak	155
4.3 Penghantaran Gajah ke Siam dengan Menggunakan Kapal	166
4.4 Gajah dekat Pelabuhan	167
5.1 Rombongan semasa Persidangan Durbar 1897 Menggunakan Gajah	184
5.2 Pemburu sedang Menunggang Gajah dalam Hutan di Tanah Melayu	187
5.3 Left. Kolonel Musa bin Yusof Menembak Gajah di Kota Tinggi Johor	188





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Muka Hadapan Naskhah <i>Mantra Gajah</i>	82
2.2 Muka Belakang Naskhah <i>Mantra Gajah</i>	82
2.3 Alat yang digunakan dalam Kegiatan Mencelung Gajah	87





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI SINGKATAN

DYMM	Duli Yang Maha Mulia
JMBRAS	Journal of Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society
MBRAS	Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society
PRRK	<i>Peringatan Raja-Raja Kedah</i>
UUK	<i>Undang-Undang Kedah</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

Gajah Putih dalam Kerajaan Siam (Patani)

Patung Gajah Jenis Terracotta yang dijumpai Melalui
Eksavasi di Tapak 21 Pengkalan Lembah Bujang

Tuan Syed Putra Ibn Almarhum Tuan Syed Hassan Jamalullail
(C.M. Raja Perlis) Semasa Perarakan Upacara ‘Kebesaran Raja’
di Arau Perlis pada 12.3.1949

Isabella Bird Ketika tiba di Perak dengan Kenaikannya adalah
Gajah Milik Sultan Abdullah

Pertarungan Antara Gajah dengan Haiwan-haiwan lain

‘Skuad Terbang’ Polis Tempatan dan Kerbaunya pada
tahun 1700-an





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian dan penulisan sejarah sejak kebelakangan ini tidak hanya menumpukan kepada cabang dari aspek politik semata-mata.¹ Ahli sejarah terdahulu seringkali mentakrifkan masa lampau sebagai sejarah yang merangkumi aspek politik dan perlembagaan.² Tahun 1929, telah menyaksikan sejarah bentuk baru telah dimulai di Perancis iaitu yang menggabungkan sejarah dengan ilmu-ilmu sosial yang lain. Idea sejarah baru ini telah dipopularkan oleh Lucien Febvre dan Marc Bloch. Kedua-dua mereka telah membuat penyelikan sejarah yang meliputi aspek sosial, ekonomi dan kebudayaan. Perkembangan

¹ Kajian sejarah kini seringkali dipelbagaikan dengan bukan sekadar penelitian terhadap satu atau dua perkara sahaja atau mengkhususkan dalam hal politik, tokoh mahupun peristiwa tertentu semata-mata. Sebaliknya, kajian sejarah telah meliputi pelbagai perkara, sebagaimana yang telah dibuktikan dengan kewujudan pengkaji-pengkaji barat. Antara mereka adalah Peter Boomgard yang telah menghasilkan *Frontier of fear: Tiger and people in the Malay world 1600-1950* dan Greg Bankoff & Sandra Swart yang menghasilkan *Breeds of empire: 'The invention of horse in Southeast Asia and its borderlands* dan *horse trading: The economic role of Arabs in the Lesser Sunda Island, c. 1800 to c. 1940*. Huraian lanjut, sila rujuk Azharuddin Mohamed Dali. 2013. Hubungan kuda dengan masyarakat Tanah Melayu sebelum Merdeka: satu penelitian sejarah sosio-budaya. Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia (IAAM), 26-27 November 2013. Hlm 1017.

² Arba'iyah Mohd. Noor. *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*.2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.Hlm.46-47





ini berlaku sekitar abad ke-20, kemudian muncul sejarawan yang memperkenalkan diri mereka sebagai ‚new social historians‘ seterusnya muncul pula sejarah total atau dikenali sebagai golongan *annales school*³. Idea mereka ini juga dikenali sebagai disiplin sejarah yang lebih menyeluruh. Menyeluruh di sini membawa maksud, beberapa aspek dalam sejarah yang sebelum ini tidak diberi tumpuan oleh para pengkaji sebelum ini. Antaranya adalah seperti kajian sejarah wanita, sejarah masyarakat bawahan, sejarah perang, sejarah alam sekitar, sejarah jenayah dan pelbagai lagi corak dan sifat penulisan sejarah yang lain. Idea dari kedua-dua sarjana Perancis ini telah mempengaruhi corak dan penulisan sejarah hingga ke hari ini dan membuktikan bahawa kajian dan penulisan sejarah itu juga dinamik sifatnya serta sentiasa mempunyai ruang untuk menyelongkar isu dan tema baru.⁴



³ Suffian Mansor, Azharuddin Mohamed Dali & Mardiana Nordin (ed.). 2012. *Tema Baru Penulisan ejarah*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya. Hlm.xiv

⁴ Konsep penulisan baru disini lebih memfokuskan kepada penulisan sejarah yang berhubungkait dengan alam sekitar. Konsep penulisan seperti ini banyak dicetuskan oleh para sarjana Inggeris, sebagaimana yang dicatatkan dalam akhbar „The Straits Times Annual For 1953“. Dalam akhbar tersebut, antara pengkaji Barat yang sangat terkenal dengan penulisan berkaitan haiwan adalah Theodore R. Hubback dan E.C. Foenander. Dalam akhbar tersebut Hubback dan Foenander cuba mengetengahkan tentang kegiatan haiwan liar seperti gajah dan kerbau di Tanah Melayu. Penulisan kedua-dua sarjana Inggeris ini disusuli dengan kajian yang mendalam terhadap haiwan tersebut di Tanah Melayu. Antara perkara menarik yang dititipkan oleh Hubback dalam penulisan adalah dengan merakam setiap pergerakan gajah dalam hutan. Bukan itu sahaja, malah dalam penulisan mereka juga isu berkenaan dengan pemburuan haiwan liar (gajah dan kerbau) bagi tujuan memperoleh gading gajah turut diketengahkan. Bagi penelitian lanjut, sila rujuk Theodore R., Hubback, „Wild Elephant at Play“ dan E.C. Foenander, „Big Game Hunting in Malaya“. Dalam The Straits Times Annual 1953, 1960-1962. Hlm. 22-25.



Kesannya, dengan terhasilnya penulisan yang mempunyai pelbagai cabang dalam aspek sejarah akan memperkuuhkan lagi bidang sejarah. Lantaran itu, idea-idea baru yang dicetuskan ini memberi satu sudut pandang baru kepada masyarakat bahawa kajian dan penulisan sejarah bukan hanya ditulis untuk golongan atasan sahaja, malah milik masyarakat seluruhnya. Sejajar dengan konsep serta penulisan yang diunjurkan oleh golongan *annales*⁵ ini, maka terlahir satu cabang yang boleh dianggap baru untuk penelitian dan kajian ini. Kajian ini membincangkan tentang gajah dan hubungkait dengan masyarakat sehingga tahun 1957. Menerusi kajian ini perbincangan bagi melihat kepelbagaian dalam kegunaan gajah di Tanah Melayu dan bagaimana hubungan antara keduanya boleh terjalin, selari dengan peredaran masa.



05-4506832

Secara umumnya, Tanah Melayu merupakan satu ruang geografi yang strategik.⁶

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Lantaran itu, hal ini menjadikan Tanah Melayu pernah melalui satu tempoh kegemilangan oleh kerajaan-kerajaan Melayu yang pernah bertapak di Tanah Melayu.⁷

Sejarah membuktikan kegemilangan yang dicapai oleh kerajaan-kerajaan Melayu ini

⁵ Suffian Mansor, Azharuddin Mohamed Dali & Mardiana Nordin,(ed.). 2012. *Tema Baru Penulisan Sejarah*. Hlm xiv

⁶ Kedudukan yang strategik ini merujuk kepada lokasi Tanah Melayu yang terlindung dari tiupan angin monsun pada bulan tertentu. Hal ini telah menjadikan kerajaan di Alam Melayu (khususnya Tanah Melayu) muncul sebagai lokasi yang kerap disinggahi oleh para pedagang dari serata pelusuk dunia, sebagaimana yang disebut oleh Andaya dalam bukunya. Lihat Leonard Y., Andaya. 201. *Leaves of the same tree: trade and ethnicity in the Straits of Melaka*. Singapore: National University of Singapore (NUS Press). Hlm 49.

⁷ Kegemilangan kerajaan di Tanah Melayu selain keutuhan pemerintah adalah kedudukan lokasi yang baik dan strategik. Perkara ini mendorong kepada kedatangan lebih ramai para pedagang. Hal ini menyebabkan berlakunya kesibukan di pelabuhan, yang membolehkan wujudnya *Undang-undang pelabuhan Kedah* bertarikh 1060H/1650 M. Kewujudan undang-undang adalah bertujuan untuk menjadi panduan kepada para pedagang terutama yang singgah di pelabuhan Kuala Kedah. Hurai lanjut, sila rujuk Mohd Sukki Othman & Adi Yasran Abdul Aziz. 2012. “Undang-undang pelabuhan Kedah dari perspektif sejarah dan budaya (*Kedah Port Laws from the Historical and Cultural Perspectives*).” KEMANUSIAAN Vol. 19. No. 1. (2012). Hlm. 1. Boleh juga merujuk R.O. Winsterd, *Kedah Laws*, Journal of the Malayan Branch of the Royal (Part II) JMBRAS, Singapore, June 1928.

amat berkait rapat dengan fenomena alam semulajadi. Fenomena alam semulajadi ini amat penting kerana menjadi salah satu medium pencetus kepada kepelbagai dan kepentingan budaya di Tanah Melayu. Selain dari tumbuh-tumbuhan yang memainkan peranan yang penting, haiwan turut menjadi penyumbang utama kepada kepentingan perjalanan sejarah di Tanah Melayu. Melalui penelitian ini hubungan masyarakat Melayu dengan elemen semulajadi ini sebenarnya telah wujud dalam satu tempoh masa yang panjang. Hal ini dibuktikan apabila terdapat banyak catatan yang menyebut tentang hubungan antara keduanya telah terjalin setelah sekian lama.⁸

Dalam kehidupan masyarakat Melayu silam, pergerakan masyarakat adalah menerusi penggunaan haiwan atau dengan menggunakan laluan air. Hal ini terbukti bahawa sejak berabad lamanya gajah telah digunakan bagi kepentingan masyarakat, sebagaimana yang disebut pada abad ke-14 lagi gajah menjadi haiwan yang penting dalam istana.⁹ Ibnu Batuttah semasa pelayarannya sampai hingga ke negara-negara di Asia, ada menyebut gajah digunakan oleh para sultan untuk laluan yang sukar (berbukit

⁸ Perbincangan berkaitan hubungan haiwan dengan masyarakat Melayu ini banyak disentuh dalam naskah Melayu. Antara naskah yang kerap menyebut tentang hubungan masyarakat dan haiwan adalah *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, *Misa Melayu*, *Hikayat Raja Pasai*, dan pastinya nashkhanah *Mantra Gajah*. Naskah ini antara lain menyebut tentang penggunaan haiwan dalam kalangan masyarakat, bagaimana haiwan diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari masyarakat serta pengamalan ilmu yang berkait dengan kaedah memelihara gajah. Bagi mendapatkan huraian lanjut, Nurul Izzati, Adnan Jusoh, Khairi Ariffin, Nabir Abdullah. 2014. Peranan dan hubungan gajah dengan masyarakat di Tanah Melayu: dari zaman prakolonial hingga kemasukan kuasa British. *Kertas kerja Seminar Antarabangsa ke-3 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*. Anjuran Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia dengan Kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Profesor Negara, Bangi, Selangor. 23-24 Disember 2014. Hlm. 852-853.

⁹ Teuku Iskandar. 2007. Aceh as a muslim –Malay cultural centre (14th- 19th Century). *Kertas kerja First International Conference of Aceh and Indian Ocean Studies*. Organized by Asia Research Institute, National University of Singapore & Rehabilitation and Construction Executing Agency for Aceh and Nias (BRR). Banda Aceh, Indonesia. 24-27 Februari 2007. Hlm. 3.

bukau atau denai) dan juga untuk urusan istana.¹⁰ Urusan istana ini melibatkan keberangkatan masuk para sultan ke dalam istana.

Boleh dikatakan dalam kehidupan masyarakat Melayu silam, gajah lebih kerap digunakan berbanding dengan haiwan lain. Walau bagaimanapun haiwan lain turut menjadi penyumbang kepada pelbagai gerak kerja, misalnya kerbau, lembu dan kuda.¹¹ Pergerakan yang banyak menggunakan haiwan ini, maka lahirnya banyak laluan-laluan baru yang wujud pada zaman silam. Antara laluan yang terkenal adalah laluan Anak Bukit ke Sadao, laluan Sempadan Padang Terap dan laluan melalui Baling.¹² Laluan-laluan ini berperanan bertujuan untuk pergerakan perdagangan, hubungan diplomatik, serta digunakan secara umum oleh masyarakat.¹³ Menerusi laluan yang dinyatakan ini memperlihatkan gajah digunakan sebagai kenderaan utama, kerana turut didorong oleh faktor gajah merupakan produk yang penting kepada Kedah pada zaman silam.¹⁴

¹⁰ Ibid.

¹¹ Sebagaimana gajah dan haiwan yang lain, kuda dalam tradisi masyarakat Melayu juga turut dilihat sebagai haiwan elit yang berkepentingan dalam pelbagai urusan. Antara gerak kerja yang banyak menggunakan khidmat kuda adalah peperangan, mengangkut barang dan pengangkutan golongan bangsawan serta beberapa khidmat yang lain. Rujukan lanjut, semak Azharuddin Mohamed Dali. 2013. Hubungan Kuda dengan Masyarakat Tanah Melayu Sebelum Merdeka: Satu Penelitian Sejarah Sosio-budaya. *Kertas kerja Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*. Anjuran Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia dengan Kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Profesor Negara, Bangi, Selangor. 26-27 November 2013. Hlm. 1021.

¹² Mohd. Kasri Saidon. 2010. “Tinjauan ke laluan lama Kedah: Siam zaman Kesultanan Silam” Dlm. Ishak Saat & Mohd. Akbal Abdullah (ed.) *Isu-isu terpilih dalam sejarah politik dan perjuangan: Sumbangsih kepada Profesor Madya Dr. Mohd Isa Othman*. Johor: Penerbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Hlm. 3.

¹³ Ibid.

¹⁴ Ibid., hlm. 7

Sebelum wujudnya kemudahan infrastruktur secara rasmi yang melibatkan jalan raya dan jalan keretapi terutamanya, penggunaan haiwan dan tenaga manusia sangat penting dalam menyelesaikan pelbagai kerja. Antara haiwan yang dilihat sangat penting, bagi menyelesaikan pelbagai gerak kerja ini termasuklah, gajah, lembu, kerbau dan kuda.¹⁵ Gajah terutamanya, dilihat sebagai haiwan penting pelbagai guna, mempunyai saiz besar dan tahan lasak, lalu membolehkan gajah berperanan sebagai kenderaan bagi meredah hutan belukar, mengharungi paya, sungai, denai serta semak samun.¹⁶ Selain itu, haiwan-haiwan lain seperti kuda, kerbau lembu turut menyumbang peranan terutama dalam bidang ekonomi, pengangkutan golongan bangsawan untuk tujuan peperangan dan hubungan diplomatik bagi meluaskan lagi mobiliti sosial dalam masyarakat silam.



05-

Masyarakat Melayu sangat arif dengan tumbuh-tumbuhan dan haiwan.¹⁷ Oleh itu, pendekatan diambil dengan memanfaatkan kepentingan kedua-dua elemen ini, misalnya tumbuh-tumbuhan kerap digunakan bertujuan untuk perubatan Melayu silam. Sementara itu, haiwan pula digunakan untuk pelbagai kemudahan lain, seperti pengangkutan,

¹⁵ Seiring dengan peredaran zaman, peranan kuda juga telah berkembang dari haiwan yang digunakan untuk tujuan pengangkutan telah berkembang menjadi haiwan yang diperdagangkan. Perdagangan kuda yang dijalankan ini dilakukan dalam satu skala yang besar, terutama setelah kemasukan kuasa kolonial. Pada tahun 1869, perdagangan kuda ponni di Pulau Pinang berjumlah \$8,579. Catatan dan huraian lanjut, sila rujuk *Annual Report of The Strait Settlements*, Vol. 2: 1868-1883, hlm. 41.

¹⁶ Jelani Harun. 2011. *Umpama Sebuah Bahtera, Kajian Naskhah Melayu, Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. Rujukan Lanjut dalam Bab ke-13, yang bertajuk „Mantra Gajah. Kebesaran Seri Adika Raja di Hulu Perak”.

¹⁷ Pergerakan masyarakat ini bukan hanya melibatkan masyarakat Melayu silam, malah turut melibatkan golongan pengembara Inggeris. Antara yang terkenal adalah J.R. Logan iaitu merupakan seorang pengembara Inggeris (yang telah melawat Kedah). Pergerakan dan kedatangan Logan ke Kedah telah membolehkan beliau mencatatkan perihal tumbuh-tumbuhan dan haiwan dan bentuk muka bumi dalam beberapa daerah di Kedah. Kisah pelayaran Logan ini telah diabadikan dalam „Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia.” Keterangan lanjut, boleh merujuk Jurnal tersebut dalam Jilid kelima tahun 1951. Boleh juga merujuk Ahmad Haji Saleh. 1990. „Kedah dalam tahun 1851: Zaman pemerintahan Sultan Zainal Rashid I.” Dlm. Alor Star 250 tahun (1735-1985). 1990. Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

peperangan, alat pengangkutan ekonomi serta mengangkut barang dan lain-lain peranan sebagaimana yang dinyatakan. Beberapa kategori haiwan yang boleh dimakan pula dijadikan sebagai makanan bertujuan untuk diet sehari mereka.¹⁸ Oleh sebab itu, kajian dan penelitian ini adalah menjurus kepada gajah dalam kehidupan masyarakat silam di Tanah Melayu, maka prospek perbincangan akan difokuskan kepada kewujudan gajah di Tanah Melayu, serta bagaimana gajah berperanan dalam kehidupan masyarakat Melayu membabitkan pembesar dan rakyat biasa.

Umumnya, kewujudan gajah di Tanah Melayu dikenalpasti dari spesies Gajah Asia atau dalam bahasa saintifiknya dikenali dengan nama *Elephas Maximus*.¹⁹ Gajah Asia mempunyai satu ciri fizikal yang lebih kecil berbanding gajah Afrika. Keadaan ini dipengaruhi oleh keadaan habitat serta pemakanan gajah-gajah tersebut. Gajah Asia boleh hidup di Tanah Melayu, sememangnya dipengaruhi oleh fizikal muka bumi yang berhutan tebal, dan menjadi ciri penting untuk memungkinkan gajah hidup dalam kuantiti yang besar.²⁰ Kewujudan gajah dalam kuantiti yang besar ini membolehkan masyarakat Melayu menggunakan gajah untuk pelbagai tujuan terutama pengangkutan. Sehubungan dengan itu, pelbagai kegiatan yang menggunakan khidmat gajah boleh dilihat dalam kerajaan Melayu lama, seperti Kerajaan Melaka dan juga semasa kedatangan pengembala Inggeris. Tidak ketinggalan digunakan juga oleh para pembesar bagi tujuan ekonomi seperti yang dapat dilihat di Larut. Pembesar Larut ketika itu, iaitu

¹⁸ ibid.

¹⁹ Poh Lye Yong, Mohd Shahwahid Haji Othman. *Economic value of forest in elephant conservations. Peninsular Malaysia*. 2008. Kuala Lumpur: Forestry Department Peninsular Malaysia. Hlm. 28

²⁰ ibid.



Long Jaafar telah menggunakan khidmat gajah bagi tujuan mengangkut bijih timah dari Sungai Limau ke Kota Bukit Gantang.²¹ Sehinggahal kawasan tersebut menjadi pelopor kepada kemudahan infrastruktur jalan keretapi yang pertama di Tanah Melayu yang menghubungkan dari Taiping ke Port Weld.²² Oleh itu, kegiatan mengangkut bijih timah diusahakan pula dengan menggunakan keretapi dan gajah hanya berperanan untuk kawasan yang berdekatan sahaja.

Selain kemudahan laluan keretapi yang diwujudkan, bagi mengelakkan kekangan yang bakal muncul seperti jalan yang berlumpur ekoran penggunaan khidmat gajah dan kerbau, maka langkah awal diambil oleh British dengan meneruskan usaha pembinaan jalan raya di Larut dengan lebih sempurna sekitar tahun 1874-1875.²³ Oleh itu, kajian ini merupakan antara usaha awal bagi meneliti sejarah tempatan dari sisi yang sedikit berbeza, kerana tumpuan dan sudut pandang kepenggunaan gajah bukan hanya berperanan besar terhadap kepentingan golongan bangsawan sahaja, malah turut penting kepada kehidupan sosial masyarakat silam di Tanah Melayu.

²¹ Mohd Zamperi A. Malek. 2001. *Larut Daerah Terkaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 31.

²² ibid.

²³ Ibid.,83





1.2 Permasalahan Kajian

Penelitian serta pendekatan yang lebih terperinci terhadap ruang perbincangan berkenaan gajah yang dilihat dari sudut yang lebih menyeluruh. Satu kaedah penyelidikan menyeluruh belum pernah dilakukan ke atas kajian yang melibatkan haiwan iaitu gajah. kecuali yang kerap memerihalkan soal gajah dalam pengangkutan.

Penganalisisan terhadap kajian ini memfokuskan tentang bagaimana gajah mempunyai hubungan secara langsung dengan masyarakat Melayu tradisional serta peranan atau fungsi yang dimainkan oleh gajah. Gajah dianggap haiwan suci yang berhubungkait dengan agama dan kepercayaan, namun di Tanah Melayu konsep kesucian ini sedikit berbeza pendekatannya kerana pemerintah dan masyarakat di Tanah Melayu beragama Islam. Konsep kesucian ini ditakrifkan dalam bentuk keagungan, kekuasaan dan keunggulan melalui pemerintah.

Gajah turut diperlihatkan sebagai haiwan yang bertanggungjawab untuk menggerakkan ekonomi masyarakat Melayu. Gajah digunakan untuk kegiatan ekonomi, mengangkut bijih timah dan balak dan turut dijadikan haiwan yang diperdagangkan. Perdagangan gajah melibatkan kuantiti dalam skala yang besar antara kerajaan di Tanah Melayu dengan kerajaan lain di Alam Melayu. Konsep jual beli gajah juga dijalankan di Tanah Melayu, begitu juga dengan konsep sewa yang turut diperkenalkan di Tanah Melayu. Kedua-dua konsep ini dijalankan di Tanah Melayu dalam skala yang kecil.





Kegiatan ini sedikit sebanyak membantu ekonomi masyarakat Melayu, kerana gajah merupakan haiwan yang banyak terdapat di Tanah Melayu dan dimiliki oleh masyarakat.

Masyarakat bukan hanya memanfaatkan gajah dari sudut fizikal yang berkait dengan kegiatan-kegiatan sehari-hari dalam masyarakat seperti perang, kesukuan dan pemburuan, sebaliknya gajah wujud juga dalam bentuk maknawi. Antaranya berkait tentang soal agama (Hindu-Buddha) kepercayaan, cerita lisan atau cerita rakyat serta bahan motif dalam seni ukir, serta mantera gajah. Penelitian ini secara tidak langsung memerihalkan tentang wujudnya kebijakan serta kepandaian masyarakat melayu dalam mengendalikan serta menguasai gajah.



Justeru, menerusi kajian ini wujud keperluan untuk mengkaji tentang haiwan iaitu gajah yang mewarnai latar kehidupan masyarakat Melayu tradisional, disamping turut melihat unsur peranan dan kepentingan gajah dan hubungkaitnya dengan masyarakat. Malah, dalam kajian ini, disisipkan juga tentang kepelbagai fungsi serta peranan gajah itu berterusan hingga kepada zaman pemerintahan kuasa kolonial. Kajian ini turut tidak ketinggalan membincangkan tentang peranan *game warden* (perhilitan) bagi tujuan pemeliharaan spesies gajah dari terus diburu serta dieksploitasi bagi kepentingan pihak-pihak tertentu.



1.3 Kajian Lepas

Penelitian terhadap kajian ini, harus mengambil kira kajian lepas yang telah dikenal pasti menerusi beberapa pengkaji terdahulu. Dalam meneliti dan meninjau kajian lepas antara tujuan utama adalah untuk mengenalpasti kajian yang bakal dibuat telah dikaji sepenuhnya oleh pengkaji lepas atau sebaliknya. Selain itu, menerusi kajian lepas yang telah dilakukan oleh para pengkaji, boleh menjadi batu loncatan terhadap kajian yang bakal dilakukan, dan secara tidak langsung beberapa topik yang berkait dengan kajian lepas para pengkaji boleh dikupas dengan lebih menyeluruh.

Berdasarkan kepada kajian lepas, didapati gajah dan hubungannya dengan masyarakat Melayu ada dibincangkan, namun tidak menumpukan perbincangan secara langsung kepada topik tersebut, sebaliknya banyak yang disentuh secara tidak langsung. Pengembara Barat antara individu yang gemar sekali mengenengahkan dan menyentuh tentang gajah di Tanah Melayu. Perbincangan tentang gajah di Tanah Melayu banyak diperihalkan oleh para pengarang naskhah-naskhah Melayu misalnya dalam naskhah *Sejarah Melayu, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Raja Pasai* dan *Hikayat Aceh*. Hal ini didorong oleh gajah yang menjadi haiwan pengangkutan penting meliputi pelbagai aspek, berbanding dengan kemudahan lain yang terdapat di Tanah Melayu ketika itu.



Antara kajian lepas yang pertama telah dikenalpasti adalah kajian oleh Azharuddin Mohd Dali melalui bab bukunya yang berjudul „Gajah dalam Sejarah Sosioekonomi Tanah Melayu Sebelum Merdeka“, di mana kajian beliau ini tercatit dalam buku *Panji Pendeta*.²⁴ Kajian yang dilakukan oleh beliau ini boleh dikatakan antara kajian awal yang menyentuh berkenaan gajah secara sepenuhnya, bermula dari zaman silam hingga membawa kepada zaman sebelum kemerdekaan. Penulisan beliau ini telah dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu hubungan gajah dengan orang Melayu, perdagangan gajah, gajah dalam perang serta gajah ketika zaman British.

Pembahagian dalam penulisan ini telah meletakkan kajian beliau sedikit berbeza dengan disertasi ini. Dalam subtopik yang dikemukakan oleh beliau banyak menyentuh tentang peranan gajah di Tanah Melayu, manakala disertasi yang dikemukakan ini turut menyentuh tentang peranan gajah di Alam Melayu. Sehubungan dengan itu, disertasi ini juga turut menghuraikan berkenaan spesies gajah yang terdapat di dunia, (terutamanya Alam Melayu dan Tanah Melayu). Kajian beliau ini boleh disimpulkan sebagai kajian yang mahu melihat sumbangan gajah merentasi pelbagai zaman (tema yang dihuraikan berdasarkan kepada kronologi masa), bertepatan dengan tajuknya Gajah dalam Sejarah Sosioekonomi Tanah Melayu Sebelum Merdeka.

²⁴ Azharuddin Mohd Dali, 2013. “Gajah dalam sejarah sosio-ekonomi Tanah Melayu sebelum merdeka”. Dlm Abdullah Zakaria Ghazali dan Zuliskandar Ramli (ed.) *Panji Pendeta*. Kuala Lumpur: Institut Alam dan Tamadun Melayu. Hlm. 533.





Seterusnya, tinjauan terhadap kajian lepas, difokuskan pula kepada tulisan oleh Jelani Harun menerusi kajiannya dalam buku *Umpama Sebuah Bahtera Kajian Naskhah Melayu, Sejarah Kesultanan Negeri Perak*.²⁵ Dalam penulisan ini beliau membahagikan kepada empat topik utama, di mana setiap topik akan disusuli pula dengan bab. Bab tersebut dihuraikan pula berlandaskan kepada episod yang terlakar dalam naskhah Melayu. Pada topik ketiga iaitu pada bab ke-13, beliau menghuraikan berkenaan gajah iaitu tentang kebesaran Sri Adika Raja di Hulu Perak berdasarkan naskhah *Mantra Gajah*.

Kajian beliau ini menjadikan naskhah *Mantra Gajah* sebagai tunjang utama dalam penulisannya. Sehubungan dengan itu, menjadikan penulisan beliau banyak berkisarkan tentang isi kandungan naskhah tersebut. Berbeza dengan disertasi ini, naskhah *Mantra Gajah* hanya dijadikan sebagai satu rujukan untuk melihat bagaimana masyarakat Melayu silam mempraktikkan „ilmu gajah“ yang sangat terkenal pada zaman silam.

„Ilmu gajah“ merupakan satu istilah yang digunakan dengan merujuk kepada kepandaian masyarakat Melayu dalam usaha mengendalikan gajah. „Ilmu gajah“ ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu ilmu memelihara, ilmu mengendalikan dan ilmu mengubati gajah. Kajian ini secara menyeluruh boleh menggambarkan tahap

²⁵ Jelani Harun. 2011. *Umpama Sebuah Bahtera, Kajian Naskhah Melayu, Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. Rujukan Lanjut dalam Bab ke-13, yang bertajuk „Mantra Gajah. Kebesaran Seri Adika Raja di Hulu Perak“. Hlm.



pemikiran dan kepandaian masyarakat Melayu dalam mengendalikan gajah pada masa silam yang dinukilkhan berbentuk naskhah iaitu *Mantra Gajah*.

Tinjauan kajian seterusnya ialah penulisan oleh seorang pengembara Inggeris yang telah hadir ke Tanah Melayu dan menghasilkan bukunya berjudul *The Golden Chersonese (a 19th-century Englishwoman's travels in Singapore and the Malay Peninsula)*.²⁶ Penulisan yang dihasilkan ini adalah berikutan kehadiran beliau ke Tanah Melayu sekitar tahun 1880-an. Buku yang telah dihasilkan Isabella ini banyak berkisarkan tentang Tanah Melayu, beliau hanya menyentuh tentang gajah yang menjadi alat tunggangan beliau dalam perjalanan ke Tanah Melayu. Penulisan Isabella ini lebih bersifat kepada catatan perjalanan beliau semasa datang ke Tanah Melayu (Perak dan Selangor).

Dalam penulisan beliau ini, telah dicatatkan berkenaan peranan gajah yang menjadi alat utama pengangkutan semasa datang ke Tanah Melayu. Penulisan Isabella berkenaan gajah ini menampakkan perbezaan dengan disertasi yang dihasilkan kerana banyak mengetengahkan peranan gajah sebagai alat pengangkutan dan kegunaan rasmi oleh para pemerintah. Disertasi bukan hanya menyentuh berkenaan gajah sebagai kegunaan rasmi pemerintah, malah turut mengaitkan dengan konsep keagamaan dalam kepercayaan masyarakat Hindu dan Buddha.

²⁶ Isabella Bird. 2010. *The Golden Chersonese. (a 19th – Century Englishwomen's Travels in Singapore and the Malaya Peninsular)*. Singapore: Monsoonbooks.



Konsep kepercayaan gajah sebagai Tuhan yang meliputi beberapa tempat di Alam Melayu ini, menjadikan gajah sebagai alat pengangkutan rasmi golongan diraja dan pemerintah. Penggunaan gajah oleh para pemerintah ini turut tersebar hingga ke Tanah Melayu dan menjadi sebahagian dari budaya yang dapat dilihat dalam kehidupan para pemerintah Melayu silam. Hal ini yang cuba diketengahkan oleh Isabella, apabila beliau turut menyebut tentang kedatangan beliau telah disambut oleh gajah milik Sultan Abdullah yang turut dihiasi dengan kain baldu di atas badannya.

Penggunaan alat dalam menghias gajah sebagai alat pengangkutan ini adalah amalan yang sering digunakan oleh masyarakat beragama Hindu. Namun, dalam tradisi masyarakat di Tanah Melayu, hiasan ke atas gajah ini banyak digunakan bagi upacara besar. Antaranya seperti perkahwinan golongan diraja serta pertabalan seseorang pemerintah. Isabella tidak terkecuali untuk mencatatkan dalam penulisan beliau berkenaan gajah yang sangat sebatи dalam kehidupan masyarakat Melayu, menerusi nama atau gelaran yang diberikan kepada seseorang.²⁷ Jelas, Isabellah bukan sekadar mencatatkan tentang kehidupan masyarakat Melayu silam, malah turut diselitkan tentang kepentingan gajah bagi kegunaan golongan pemerintaha, misalnya gajah yang digunakan sebagai alat pengangkutan oleh Sultan Abdullah semasa menyambut kedatangan Isabella Bird ke Perak.

²⁷ Ibid. Hlm. 279.



Kajian berkaitan ditemukan juga dalam penulisan oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi menerusi *The Hikayat Abdullah* yang telah ditransliterasikan oleh A.H Hill.²⁸ Abdullah yang juga merupakan seorang penulis yang telah meledakkan satu cetusan idea baru berbanding pengarang-pengarang tradisi yang lain juga turut menyentuh perihal gajah dalam penulisan tersebut. Beliau menyebut perihal gajah yang dijadikan sebagai hadiah yang bernilai kepada sesebuah kerajaan. Menerusi catatan ini boleh diterjemahkan sudut pandang beliau terhadap gajah sebagai alat politik yang sangat menonjol pada zaman tersebut yang bersifat universal atau sejagat.

Meskipun *The Hikayat Abdullah* secara umumnya menyebut tentang pengembaraan Abdullah, tetapi tidak menghalang beliau untuk turut juga mencatatkan tentang ilmu kepawangan yang boleh dilihat dalam tulisan tersebut. Ilmu kepawangan merupakan ilmu yang berkait dengan ilmu memelihara dan mengendalikan gajah, dan dikenali juga ilmu gajah oleh individu yang digelar Pawang Gajah. Abdullah menyentuh sebahagian dari ilmu yang menjadi pegangan masyarakat silam dalam mengendalikan gajah, sebaliknya disertasi ini ada menghuraikan dengan lebih mendalam berkenaan ilmu-ilmu dalam mengendalikan gajah oleh pawang gajah.

Abdullah menyentuh berkenaan ilmu kepawangan yang dicatatkan dengan hampir lengkap. Beliau turut menyebut tentang beberapa ilmu yang lain antaranya seperti doa, jampi, mantera yang menjadi pelengkap dari ilmu kepawangan. Sementara itu, disertasi

²⁸ A.H. Hill (Tra.). *The Hikayat Abdullah*. 2009. Kuala Lumpur. MBRAS, Reprint No. 29.



ini telah mengkelaskan ilmu mantera (memelihara gajah) terhadap empat bahagian. Pembahagian ilmu mantera ini adalah untuk menjelaskan dan menghuraikan tentang masalah yang dihadapi oleh gajah dan cara untuk menyelesaiannya oleh pawang gajah.

Menariknya dalam tulisan Abdullah, beliau menyebut ilmu untuk menangkap gajah bukan didorong oleh penggunaan jin, namun lebih kepada pemahaman seseorang pengamal ilmu tersebut terhadap kelemahan dan kekuatan gajah. Sementara itu, perbincangan dalam disertasi ini banyak menggunakan konsep *Mantra Gajah*. Dalam *Mantra Gajah*, ilmu untuk memelihara gajah dinyatakan adalah berdasarkan kepada jampi serapah yang mempunyai kuasa luar biasa. Selain itu, petua turut digunakan bagi menghalau penunggu dan jembalang hutan.



Penulisan dalam disertasi ini lebih melihat ilmu dalam memelihara gajah seperti jampi serapah, petua-petua yang digunakan merupakan ilmu dan kepandaian masyarakat Melayu silam. Penulisan Abdullah menolak tentang ilmu jampi, petua dan kaitannya dengan kuasa magis. Perkara ini bersesuaian dengan cara penulisan Abdullah yang lebih melihat kepada perkara yang realiti. Beliau tidak terikut-ikut dengan para pengarang konservatif yang gemar meletakkan kepercayaan kepada perkara magis dan tahuyl. Abdullah memanjangkan hujah bahawa kelebihan ilmu gajah yang dipunyai oleh pengamalnya, membolehkan segala kegiatan yang berkait dengan gajah dapat dilakukan dengan sempurna misalnya pengangkutan mahupun peperangan.



Seterusnya tinjauan literatur melihat penulisan oleh Barbara Watson Andaya menerusi bukunya iaitu *Perak: The above of grace, a study of an Eighteenth-Century Malay State.*²⁹ Umumnya penulisan yang diadaptasi dari disertasi kedoktoran beliau ini banyak menerangkan latar kehidupan masyarakat di Tanah Melayu amnya dan masyarakat di Perak khasnya membabitkan golongan pemerintah (Sultan) dan rakyat biasa. Kajian yang banyak memberi tumpuan khusus terhadap kaitannya dengan ekonomi ini, skop masanya adalah berkisarkan kepada pemerintahan Belanda di Perak ketika itu. Namun begitu, terdapat satu bahagian di akhir buku tulisan beliau tersebut yang menyebut tentang gajah menerusi satu lampiran khas yang diberi judul „The Art of Elephant Hunting“.



05-4506832

„Seni“ berkaitan gajah yang cuba diuraikan oleh Barbara disini memberi tafsiran

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

berkenaan pemburuan gajah merupakan antara haiwan yang menjadi kegemaran pemerintah Melayu silam. Disertasi ini juga meletakkan pemburuan gajah (atau sukan) dalam satu subtopik bagi mengabsahkan peranan gajah dalam sukan tersebut. Barbara mengaitkan pemburuan gajah ini sebagai kegemaran terhadap sultan-sultan dalam kerajaan di Alam Melayu yang lain, misalnya Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.

Berbeza dengan kajian disertasi ini, „seni“ berkaitan pemburuan gajah ini lebih melihat kepada para pegawai Inggeris yang telah datang ke Tanah Melayu. Mereka turut

²⁹ Barbara Watson Andaya. 1979. *Perak, The Abode of Grace, a Study of an Eighteenth-Century Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

menjadikan pemburuan gajah ini sebagai satu hobi dan kegemaran sehingga membolehkan mereka memenangi trofi dari beberapa bahagian fizikal gajah.

Barbara tidak terlepas untuk membicarakan tentang gajah sebagai lambang kekuatan dan keutuhan sesebuah kerajaan dalam negeri-negeri di Tanah Melayu. Beliau turut menyentuh gajah sebagai lambang perhubungan antara kerajaan dengan dipersembahkan kepada golongan pemerintah. Sementara itu, dalam disertasi ini gajah diperlihatkan sebagai haiwan yang sangat berperanan penting terutama dalam beberapa upacara dan perarakan diraja. Antara yang disentuh dalam disertasi ini adalah semasa upacara perkahwinan anak-anak Sultan Kedah serta kedatangan delegasi asing yang menggunakan gajah sebagai kenderaan utama.

Di samping menggunakan buku sebagai rujukan untuk ulasan kajian literatur, artikel dalam beberapa jurnal turut digunakan yang mempunyai kaitan dan kesalingbergantungan terhadap kajian yang dilakukan. Misalnya artikel yang ditulis oleh Anthony Reid bertajuk „*Elephant and water in the feasting of Seventeenth Century Aceh*“³⁰ diterbitkan menerusi MBRAS. Secara keseluruhan artikel yang ditulis oleh Reid ini banyak menyebut kegunaan dan peranan gajah yang diterjemahkan dalam satu ruang yang lebih universal atau sejagat. Perbincangan beliau ini merangkumi Alam

³⁰ Surat Persendirian (SP) Tun Dr. Ahmad Sarji bin Abdul Hamid. Elephant and water in the feasting Seventeenth Century Aceh, JMBRAS, Volume LXII, Part I, 1989.



Melayu secara keseluruhannya dan tumpuan diberikan kepada Kerajaan Aceh pada abad ke-17.

Dalam kajian yang dihasilkan oleh Reid banyak memberi tumpuan kepada Kerajaan Aceh pada abad ke-17. Hal ini besar kemungkinan kerana Aceh adalah sebuah kerajaan yang sangat terkenal dalam menggunakan gajah. Sementara itu, dalam disertasi ini lebih banyak memberi tumpuan terhadap Kerajaan Melaka, yang juga merupakan sebuah kerajaan yang agung di Alam Melayu. Sekiranya diperincikan, beberapa bahagian yang disentuh oleh Reid ini mempunyai hampir persamaan dengan peranan gajah dalam Kerajaan Melaka. Namun begitu, beberapa perbezaan juga wujud, antaranya adalah perlawan yang berlaku antara gajah dengan gajah, gajah dengan haiwan lain serta gajah dengan manusia.



Jelas disini Reid cuba memperincikan menerusi satu ruang yang lebih luas, bahawa penggunaan gajah bukan hanya tertumpu di Tanah Melayu sahaja, malah menular dalam konteks Alam Melayu dengan lebih luas. Menerusi kajian yang telah dihasilkan oleh Reid ini, dapat diterjemahkan bahawa setiap dari kerajaan di Alam Melayu mempunyai dan berkongsi satu ketamadunan dari pelbagai sudut yang sama.



Seterusnya, ulasan kajian literatur sekali lagi menggunakan artikel dalam jurnal yang telah ditulis oleh J.M Gullick bertajuk '*The Elephants of Syed Zain*'.³¹ Artikel yang diterbitkan oleh *JMBRAS* pada tahun 1986 ini merupakan antara kajian Gullick yang bukan hanya menumpukan terhadap gajah semata-mata, sebaliknya melibatkan juga kehidupan masyarakat Melayu tradisi terutama di negeri Perak yang digambarkan ketika itu. Diperangkat awalnya Gullick sekadar menyentuh tentang asal keturunan Syed Zain yang dikatakan berasal dari utara Perak, individu yang kemudiannya diceritakan oleh beliau sebagai seorang yang memiliki gajah.

Dalam disertasi ini lebih banyak menyentuh tentang para pemerintah Perak yang menjadikan gajah sebagai pengangkutan rasmi. Misalnya dalam *Misa Melayu*, Sultan Iskandar Dzulkarnain telah bergerak menuju ke utara Perak dengan menggunakan gajah.
Sementara itu, Gullick banyak menyebut tentang golongan pembesar dan para pegawai Inggeris yang sering menggunakan gajah. Hal yang mendorong kepada penggunaan gajah di Perak adalah keadaan geografi di Hulu Perak yang berbukit bukit dan berhutan tebal.

Terdapat bahagian dalam disertasi yang menyatakan tentang ketibaan Sultan Idris dan para pegawai Inggeris dengan menaiki gajah. Kehadiran sultan dan para pegawai Inggeris ini adalah bertujuan untuk menghadiri mensyuarat Federated Malay States (FMS) di Kuala Kangsar dengan dihadiri oleh kira-kira 50 ekor gajah. Sementara itu,

³¹ Surat Persendirian (SP) Tun Dr. Ahmad Sarji b. Abd Hamid. Elephant of Syed Zain, *JMBRAS* , Vol. LXI, Part I, 1986



Gullick lebih cenderung menghuraikan tentang gajah yang telah dinaiki oleh J.W.W. Birch melawat dan menjelajah beberapa kawasan di negeri Perak sekitar tahun 1874.

Dalam kenaikan tersebut sebanyak 17 ekor gajah telah digunakan yang dimiliki oleh Syed Zain. Dari pemerhatian ini, didapati Gullick lebih cenderung untuk mengetengahkan pemilik gajah, gajah yang digunakan dalam negeri di Tanah Melayu terutama di Perak, juga menyebut tentang sifat dan bahasa gajah, selain turut menyelitkan beberapa peristiwa yang menggunakan gajah dalam setiap urusan yang dinyatakan hingga melebar perbincangan sampai ke Kerajaan Reman di mana suatu ketika dahulu merupakan sebahagian dari kawasan jajahan Hulu Perak.



Kajian lepas seterusnya merujuk pula kepada penulisan oleh sarjana tempatan iaitu Ahmad Jelani Halimi. Beliau sangat terkenal dengan penulisan berkaitan sejarah perdagangan. Penulisan beliau yang sangat terkenal adalah *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*,³² iaitu merupakan lanjutan dari disertasi kajian kedoktorannya. Menerusi kajian beliau ini, dijelaskan berkenaan hubungan antara gajah dengan masyarakat menerusi sektor perdagangan. Sektor perdagangan yang dibincangkan ini menjelaskan tentang sektor perdagangan gajah yang banyak didominasi oleh golongan kelas atasan.

³² Ahmad Jelani Halimi. 2006. *Perdagangan dan perkapalan Melayu di Selat Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Sementara itu, dalam disertasi ini juga ada dijelaskan berkaitan penjualan gajah, namun banyak didasari kepada kegiatan jual beli serta sewa gajah. Dihuraikan berkenaan kegiatan jual beli ini lazimnya melibatkan masyarakat Melayu dalam kalangan rakyat biasa. Antara kegiatan seperti sewa, jual beli gajah ini diperihalkan dalam kajian dengan dikaitkan antara keperluan masyarakat Melayu dengan kehendak para pegawai British.

Ahmad Jelani turut menjelaskan tentang perdagangan yang melibatkan fizikal gajah terutama gading gajah, apabila ia giat dijalankan dalam kerajaan di Asia Tenggara. Apa yang ditekankan oleh beliau adalah perdagangan gading gajah yang diperolehi menerusi kerajaan di Asia Tenggara dan menjadi salah satu barang dagangan di Kedah. Dalam kajian beliau lebih menekankan tentang kegiatan perdagangan gajah yang dijalankan, manakala kajian ini lebih menumpukan kepada bilangan gajah yang diperdagangkan, dengan bersumberkan kepada naskhah *Peringatan Raja-Raja Kedah*. Dalam penulisan beliau Ahmad Jelani lebih banyak menumpukan kepada bilangan gajah yang diperdagangkan di peringkat antarabangsa terutama melibatkan Alam Melayu. Turut disentuh oleh beliau undang-undang perdagangan yang digunakan sebagai alat penting bagi menghuraikan kajiannya dengan lebih jauh.

Seterusnya, ulasan literatur seterusnya adalah dengan melihat buku yang telah ditrasnliterasikan oleh C.C. Brown berjudul *Malay Annals*.³³ Naskhah asal penulisan beliau ini dikenali sebagai Raffles No. 18. Penulisan beliau ini secara umumnya

³³ C.C Brown (Tra.), *Malay Annals*. 2009. Kuala Lumpur: MBRAS (Reprint 28)



menerangkan tentang sejarah Tanah Melayu, namun terdapat beberapa bahagian yang turut disisipkan tentang gajah. Dalam konsep penulisan beliau, gajah menjadi simbol kepada kesucian dan keagungan bagi sesebuah kerajaan dan ketamadunan. Apa yang cuba disampaikan oleh beliau adalah dengan merujuk kepada peristiwa anak-anak Raja Chulan yang telah naik ke Bichitram, Paludatani dan Nilatanam yang mana ketiga-tiga mereka berasal dari bawah laut, lalu telah turun ke Bukit Siguntang Mahameru, dengan menaiki gajah putih.

Sementara itu, dalam disertasi ini gajah yang menjadi perlambangan kepada simbol kekuatan dan kesucian juga dinyatakan. Namun, perbezaanya perlambangan yang dinyatakan adalah dengan merujuk kepada konsep Dewa Ganesha. Disertasi ini mengambil kira konsep Dewa Ganesha dalam unsur perlambangan kesucian kerana ia menjadi salah satu ikon Tuhan dalam agama Hindu.

Disamping itu, ulasan literatur dalam disertasi ini turut menggunakan buku (ensiklopedia volume ke-4) yang ditulis oleh Nik Hassan Shuhaimi bertajuk *Early History*. Dalam buku yang ditulis oleh beliau ini merungkaikan tentang sejarah awal dengan berdasarkan kepada sumber-sumber arkeologi. Perbincangan dalam buku ini dibahagikan kepada beberapa bahagian dan dibincangkan dengan mengikut kepada kronologi zaman. Terdapat satu bahagian dalam buku ini berkenaan „Wider Contacts in Protohistoric Times“ yang membincangkan tentang „Southern Asian Traders“. Dalam perbicangan tersebut penulis menyebut tentang kegiatan perdagangan yang dijalankan di



Asia Tenggara telah bermula kira-kira 2000 tahun yang lampau. Perdagangan yang paling utama menguasai jalan laut ketika itu adalah rempah yang sangat terkenal dalam Alam Melayu telah menguasai Eropah sejak abad pertama sebelum masih lagi.

Penulis turut menegaskan kebanyakan kapal-kapal Melayu menguasai Lautan Hindi ketika itu. Dalam penulisan buku ini menjelaskan beberapa barang yang diperdagangkan di Alam Melayu ketika itu termasuklah gajah. Tujuan perdagangan gajah adalah untuk memperoleh gading yang digunakan untuk hiasan serta ukiran. Menariknya turut dijelaskan oleh penulis, badak sumbu turut dijadikan sebagai barang perdagangan bertujuan untuk memperoleh tanduk bagi tujuan dijadikan serbuk untuk candu.³⁴ Dalam disertasi ini selain menyentuh tentang perdagangan gajah yang giat dijalankan terutama antara Kerajaan Kedah dengan Kerajaan Siam, turut juga disebut tentang gajah yang dijadikan sebagai alat untuk membantu kegiatan ekonomi.

Disertasi ini turut menggunakan buku (ensiklopedia volume ke-3) yang telah ditulis oleh Yong Hoi Sen bertajuk *animal*. Perbincangan dalam buku ini sangat menarik kerana penulis menjelaskan tentang haiwan-haiwan yang berevolusi mengikut kepada perkembangan zaman. Disamping itu, penulis turut membahagikan perbincangan berkenaan haiwan ini dengan mengkelaskan mengikut kelompok-kelompok haiwan

³⁴ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 1998. Southern Asian Traders. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *The Encyclopedia of Malaysia: Early History*. Singapore. Archipelago Press. Hlm. 87.



seperti mamalia, reptilia, dan burung-burung. Dalam perbincangan berkenaan mamalia ini penulis menghuraikan tentang gajah dan tapir yang mempunyai persamaan dari sudut *tusk* iaitu gading. Secara umumnya dalam tulisan beliau ini lebih cenderung menghuraikan tentang gajah secara umum, dari sudut spesies dan keadaan gajah yang kian terancam kerana pemburuan yang kerap berlaku.

Turut tidak ketinggalan beliau membincangkan tentang kesan yang diterima oleh gajah akibat dari pemburuan yang kerap dilakukan, terutama pada suku pertama abad ke-20. Pemburuan gajah ini telah mengakibatkan kepupusan spesies gajah mengikut negeri di Semenanjung Malaysia sebagai yang dijelaskan oleh beliau menerusi jadual yang telah disediakan perbincangan tersebut. Dalam disertasi pemburuan gajah dibincangkan dalam satu topik dan perbincangan ini kemudiannya dikaitkan dengan kegemaran pihak British dalam kegiatan sukan pemburuan haiwan (termasuk gajah). Disertasi turut menyentuh tentang keperluan lesen untuk memburu gajah. Hal ini disentuh dalam disertasi kerana dengan wujudnya keperluan lesen memburu ini, maka pemburuan gajah hanya dibenarkan kepada individu yang memiliki lesen sahaja. Lantaran itu, keadaan ini dapat mengurangkan sedikit masalah kegiatan pemburuan ini.



1.3 Objektif Kajian

- 1) Untuk menganalisis tentang bukti penggunaan haiwan dalam masyarakat Melayu.
- 2) Untuk mengenalpasti kedudukan gajah dalam perspektif kehidupan masyarakat Melayu.
- 3) Untuk membincangkan hubungan gajah dan kaitannya dengan ekonomi masyarakat Melayu.
- 4) Untuk mengkaji isu dan masalah yang wujud antara gajah dalam kehidupan masyarakat Melayu.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian di sini membawa erti lingkungan masa perkara yang dihuraikan dalam sesuatu kajian. Dalam kajian ini, skop yang menjadi keutamaan adalah skop masa dan skop dalam lingkungan aspek yang akan dibincangkan.

Dari konsep skop masa, melibatkan lingkungan masa yang bermula ketika Tanah Melayu berada di bawah kerajaan Melayu sehingga abad ke-19, iaitu sehingga tahun 1957. Tahun 1957 menyaksikan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan. Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, peranan haiwan bagi tujuan pengangkutan semakin kurang digunakan. Hal ini didorong oleh kemudahan pengangkutan dan infrastruktur yang makin bertambah dengan baik.



Selain itu, skop yang dinyatakan ini turut menyaksikan keadaan di Tanah Melayu belum wujud sepenuhnya kemudahan infrastruktur terutama jalan raya dan jalan keretapi yang memudahkan perhubungan. Berikutan keadaan sosioekonomi di Tanah Melayu yang menuntut banyak peranan haiwan (terutama gajah) maka skop kajian dipilih bagi diperincikan dengan lebih mendalam sejauhmana gajah berperanan dalam membantu kelangsungan hidup masyarakat Melayu dari pelbagai sisi kehidupan.

Di samping itu, skop kajian seterusnya, menumpukan pula terhadap lingkungan aspek kajian yang akan dibincangkan. Secara umumnya aspek yang menjadi keutamaan dalam kajian berkait soal sosial atau lebih terperinci sejarah berkaitan penggunaan haiwan dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi diketengahkan dalam kajian ini. Ilham penelitian terhadap sejarah sosial dan skop berkaitan penggunaan haiwan ini disebabkan oleh penulisan sejarah yang kurang memberi perhatian kepada aspek yang bakal dibincangkan.

Hal ini tidak bermakna skop yang dinyatakan langsung tidak disentuh, sebaliknya aspek politik dan ekonomi menjadi keutamaan dan perihal penggunaan haiwan ini seringkali dilihat hanya dinyatakan secara sekilas pandang. Secara umumnya sejarah penggunaan haiwan dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisi sangat penting untuk diteliti dan juga merupakan salah satu tunjang utama dalam melakarkan sejarah panjang di Tanah Melayu.





Skop kajian seterusnya memfokuskan perbincangan di Tanah Melayu. Lokasi ini dilihat dari satu ruang yang lebih luas kerana keterlibatan gajah dalam pelbagai bidang meliputi perihal politik, ekonomi dan sosial berlaku di kebanyakan negeri di Tanah Melayu. Meneliti penglibatan gajah dalam pelbagai aspek di Tanah Melayu kurang difokuskan khusus kepada satu-satu negeri, malah melihat dari kacamata yang lebih luas terhadap peranannya, bertepatan dengan konsep di Tanah Melayu yang ketika itu, sering menggunakan khidmat haiwan dalam urusan sehari-hari kehidupan mereka. Sehubungan dengan itu, skop terhadap lokasi kajian di Tanah Melayu ini dilihat amat perlu untuk diuraikan dengan lebih terperinci.



Dalam penelitian terhadap penyelidikan yang dijalankan, beberapa kaedah kajian digunakan bagi mendapatkan fakta, sumber, bukti dan mewujudkan idea, serta mengadakan analisis bagi penyelidikan yang akan dijalankan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan merujuk kepada sumber primer untuk menganalisis laporan, merekodkan penyusunan isi dan idea secara tematik. Melalui medium penyelidikan ini, pelbagai lokasi penyelidikan akan dilawati dalam usaha untuk memperoleh sumber, sama ada sumber primer atau sumber sekunder, misalnya ke Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Cawangan Kedah, Arkib Negara Cawangan Pahang,





Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, dan Perpustakaan Negara.

Di samping itu, dalam pengkajian sejarah kaedah temu bual juga diihat sebagai aspek yang cukup penting bagi mendapatkan maklumat berkaitan penyelidikan yang dijalankan terhadap individu yang terlibat secara langsng mahupun individu yang mempunyai pengetahuan lebih mendalam berkaitan penyelidikan yang dijalankan. Individu yang terlibat ini dipanggil sebagai saksi, lantaran itu kaedah tersebut boleh diklasifikasikan sebagai sumber primer atau sumber sekunder.

1.7 Pembahagian Bab



Pembahagian bab akan adalah olahan serta pengklasifikasiyan isi kandungan sesuatu penulisan kepada kategori tertentu. Perbincangan dalam kajian disertasi ini dibahagikan kepada enam bab, di mana setiap bab akan dikelaskan kepada topik kecil yang bagi membincangkan setiap bab yang dinyatakan dengan lebih terperinci. Kaedah ini merupakan suatu cara untuk merangka dan menyusun pemikiran serta penghasilkan penulisan yang baik. Lazimnya pembagian bab dikelaskan menurut kronologi masa, namun dalam kajian pendekatan tersebut tidak digunakan, sebaliknya pengelasan bab dibincangkan berdasarkan kepada tema yang telah ditetapkan.



1.7.1 Bab Pertama

Pada bab ini, perbincangan lebih menumpukan kepada pengenalan kepada tesis bagi menjelaskan latar belakang kajian dengan lebih terperinci. Pada peringkat ini beberapa perkara yang diberi perhatian khusus misalnya permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian, ulasan kajian lepas, metodologi kajian serta dapatan kajian. Perkara yang dinyatakan ini merupakan kerangka penting bagi menghasilkan cadangan penyelidikan yang lebih mantap.

1.7.2 Bab Kedua

Pada bab kedua ini perbincangan dimulai dengan peranan haiwan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Peranan haiwan ini dibincangkan dalam konsep yang lebih luas, merangkumi peranan haiwan dan bukti penggunaan haiwan. Sehubungan dengan itu, bab ini akan menjelaskan dengan mendalam tentang peranan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Di peringkat awal bab ini, aspek yang akan dibincangkan adalah berkenaan peranan haiwan dalam masyarakat silam yang dihuraikan silam menerusi penemuan arkeologi.

Dalam pada itu, pada bab ini juga menjelaskan tentang peranan haiwan yang disebut dalam hubungan diplomasi, kekuatan ketenteraan, keagungan pemerintah, kegiatan perdagangan dan haiwan sebagai alat bantu untuk menggerakkan ekonomi.

Di samping itu, dalam bab ini juga ada menyentuh tentang haiwan yang digunakan untuk kegiatan sosial dan budaya dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, bab ini akan mengungkapkan tentang haiwan (yang telah dibentuk serta ditempa menggunakan emas dan perak) yang pernah dijadikan sebagai nilai mata wang satu ketika dahulu di Semenanjung Tanah Melayu serta North Borneo (Sabah) dan Sarawak.

Bab ini juga menyentuh sedikit tentang sosiobudaya masyarakat Melayu dan kaitannya dengan haiwan. Kaitan antara kedua-dua ini dijelaskan menerusi penggunaan haiwan dalam kehidupan masyarakat bukan hanya dijadikan sebagai alat kesukaan (sabung dan perlagaan), malah sebagai sumber makanan, juga haiwan dijadikan sebagai perlambangan dalam cerita-cerita rakyat untuk dijadikan pedoman. Turut menjadi topik perbincangan adalah berkenaan undang-undang dalam menggunakan haiwan serta bagaimana keupayaan masyarakat Melayu untuk mengendalikan haiwan, dengan merujuk kepada naskhah *Mantra Gajah*.

1.7.3 Bab Ketiga

Pada bab ketiga, perbincangan menumpukan kepada latar belakang gajah dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kemudiannya perbincangan dikembangkan dengan



melihat gajah dari sudut yang lebih luas seterusnya membawa kepada kaitan gajah dengan kepercayaan dan kepentingan sangat. Pada bab ini juga dibincangkan secara ringkas tentang kewujudan jenis gajah di Asia Tenggara, terutama di Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Borneo.

Perbincangan dalam bab ini turut melihat tentang bagaimana kedudukan dan peranan gajah di Tanah Melayu. Disamping itu, pada bab ini akan dibincangkan juga tentang peranan gajah dalam aspek sosial, termasuklah perihal kepercayaan yang turut dikupas. Selain itu, turut disentuh berkenaan konflik pemburuan gajah yang turut dibincangkan serta menjadi ancaman terhadap gajah dewasa kini yang kian mengalami kepupusan.



Tidak terkecuali untuk memanjangkan perbincangan dengan melihat peranan gajah dalam aspek sosial yang, termasuklah aspek kepercayaan yang dikupas dengan lebih mendalam. Sedikit berkaitan dengan konflik pemburuan gajah turut dibincangkan yang menjadi ancaman terhadap gajah dewasa kini yang kian mengalami kepupusan

1.7.4 Bab Keempat

Pada bab ini, aspek ekonomi menjadi topik perbincangan. Dalam aspek ini beberapa pecahan topik akan diberi keutamaan dalam perbincangan. Antara yang menjadi keutamaan dalam bab ini adalah kegiatan urusniaga gajah seperti perdagangan, penjualan,



pembelian, percukaian dan sewa gajah. Dilihat juga di peringkat awal tentang peranan gajah terhadap aspek pengangkutan ekonomi masyarakat Melayu. Kemudian dikembangkan perbincangan terhadap pelbagai kegiatan ekonomi. Seterusnya, aspek kegiatan perdagangan gajah menjadi perbincangan. Aspek perdagangan ini dijelaskan menjadi sumber pendapatan masyarakat Melayu silam. Jual, beli gajah juga dibincangkan dengan lebih mendalam, begitu juga penjualan gading gajah, serta cukai yang dikenakan. Bab ini akan melebarkan aspek perbincangan terhadap gajah yang disewakan antara penduduk tempatan, demi menambahkan pendapatan sehari-hari mereka.

1.7.5 Bab Kelima

Bab kelima merupakan bab yang akan menumpukan perbincangan terhadap isu dan masalah yang dihadapi oleh gajah dalam masyarakat Melayu. Isu yang dinyatakan di sini merupakan pelbagai kegiatan dilakukan terhadap gajah setelah kemasukan kuasa kolonial. Antara isu dan masalah yang dibangkitkan dalam bab ini adalah pemburuan terhadap gajah. Pemburuan ini disebabkan oleh banyak sebab, serta melibatkan pelbagai golongan yang melakukannya. Antara perkara utama yang mendorong kepada pemburuan gajah ialah terdapat pelbagai kerosakan tanaman yang dilakukan oleh gajah. Sehubungan dengan itu, pemburuan gajah kerap dilakukan bagi mengurangkan masalah ini, sebagaimana yang diuraikan dalam bab ini.



1.7.6 Bab Keenam

Pada bab terakhir ini merupakan bab penutup. Dalam bab ini perbincangan akan menjurus kepada dapatan baru yang diperolehi sepanjang kajian ini telah dilakukan. Disamping itu, perbincangan dalam bab turut menyimpulkan secara menyeluruh berkaitan gajah dan hubungkaitnya dengan masyarakat Melayu.





1.8 Kesimpulan

Kepentingan gajah ini sebenarnya boleh diterjemahkan menerusi banyak aspek, dalam cadangan penyelidikan ini telah dinyatakan serba sedikit secara umum, dan bahagian yang selebihnya diuraikan menerusi setiap topik yang diuraikan dalam setiap bab. Asas dalam kajian ini adalah untuk melihat bagaimana peranan dan hubungan gajah ini membantu kelangsungan hidup masyarakat Melayu silam, juga diselitkan beberapa kesan yang lahir dari hubungan yang wujud antara keduanya. Kajian ini banyak menekankan aspek sejarah dari bawah yang memberi penekanan terhadap aspek sosial yang dihubungkaitkan dengan politik dan ekonomi.

